



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11/1/2012

Azmin herdik Dr Mahathir 'kepala otak kau'

BUKIT MERTAJAM: Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Mohamed Azmin Ali mengherdik Tun Dr Mahathir Mohamad dengan panggilan 'kepala otak kau' susulan kenyataan bekas Perdana Menteri itu berhubung keputusan Mahkamah Tinggi, kelmarin.

Mahkamah kelmarin membebaskan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Azmin bertindak demikian ketika berucap pada Himpunan Rakyat Menuntut Keadilan di Tapak Ekspo Seberang Jaya, dekat sini,

malam kelmarin.

"Ramai yang terkejut dengan keputusan itu. Mahathir pun terkejut dan apabila wartawan tanya dia hairan bagaimana Anwar boleh bebas dan mengatakan sistem keadilan negara bebas dari zamannya sehingga Datuk Seri Najib Razak, bebas kepala otak kau," kata Azmin dalam ucapannya itu.

Dr Mahathir ketika mengulas keputusan mahkamah kelmarin berkata, tiada konspirasi untuk menganiaya Ketua Pembangkang itu seperti didakwa.

"Walaupun saya juga hairan kenapa dia (Anwar) tidak bersalah, tidak ada konspirasi dari dulu sampai sekarang," kata bekas Perdana

Menteri itu.

Sebelum ini, Azmin yang juga Ahli Parlimen Gombak dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa dilaporkan menyindir Dr Mahathir dengan menyifatkannya sebagai pemimpin yang tersungkur ketika negarawan itu sedang menerima rawatan di Melbourne, Australia.

Dia berkata bahawa sindiran itu merujuk kepada Dr Mahathir berikutan kedegilan bekas Perdana Menteri itu bersekongkol dengan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) yang didakwa memperjuangkan agenda perkaurman sempit.

Dalam ucapannya juga, Azmin

turut membidas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan Anwar membuktikan kebebasan sistem kehakiman negara.

"Bebas apa? Kalau bebas, dari hari pertama lagi kes ini, Anwar tidak perlu didakwa.

"Tetapi beliau terpaksa melalui proses perbicaraan selama tiga tahun," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azmin berkata, tiada sebarang kekecohan berlaku sepanjang penganjuran perhimpunan aman oleh PKR, PAS dan DAP termasuk di depan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta, kelmarin.